

## PERKEMBANGAN DAKWAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - SOROTAN SEJARAH

Dyg Hjh Umami Fa'izah Hj Abdul Rahman

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (Email: faizah.rahman@unissa.edu.bn)

**Accepted date:** 25 November 2018

**Published date:** 14 April 2019

**To cite this document:** Rahman, D. U. F. A. (2019). Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam - Sorotan Sejarah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 119-138.

---

**Abstrak:** Perkembangan dakwah di Negara Brunei Darussalam adalah seiring dengan kedatangan Islam di Negara Brunei Darussalam itu sendiri. Sejarah perjuangan dakwah di Negara Brunei Darussalam merupakan satu perjuangan yang panjang dan penuh berliku. Penyebaran dakwah di Negara Brunei Darussalam melalui saluran pendidikan dan institusi dakwah yang bermula sebelum kemerdekaan lagi telah banyak mempengaruhi pendekatan dan penyebaran dakwah Islam di Negara Brunei Darussalam kini. Kajian yang berbentuk 'library research' ini bertujuan untuk menganalisa perkembangan dakwah di Negara Brunei Darussalam sebelum dan selepas kemerdekaan. Hasil kajian mendapati dakwah sebelum kemerdekaan dijalankan dalam bentuk tidak rasmi dan dijalankan di balai-balai dan rumah persendirian. Usaha ini seterusnya dikembangkan dalam bentuk pendidikan rasmi dengan tertubuhnya sekolah-sekolah agama dan badan dakwah kerajaan yang menyuburkan dakwah Islam di Negara Brunei Darussalam.

**Kata Kunci:** Dakwah, Brunei

**Abstract:** The development of da'wah in Brunei Darussalam is in line with the arrival of Islam in Brunei Darussalam itself. The spread of da'wah in Brunei Darussalam through education channels and da'wah institutions which began before independence further influenced the approach and spread of Islamic da'wah in Brunei Darussalam now. This research is a library research aimed at analyzing da'wah development in Brunei Darussalam before and after independence. The study finds that pre-independence da'wah was conducted in an informal form and carried out at private houses and mosques. This effort was further developed in the form of formal education with the establishment of religious schools and government dakwah bodies that nurtured Islamic da'wah in Brunei Darussalam

**Keywords:** Da'wah, Brunei

---

## **Pengenalan**

Gerakan dakwah di Negara Brunei Darussalam berjalan seiringan dengan perkembangan Islam di Brunei Darussalam. Pendekatan dakwah yang unik dan banyak bergantung kepada sektor kerajaan dalam memperkembang dakwah memerlukan analisis dari sorotan sejarah terhadap pendekatan dakwah yang sesuai untuk digunapakai. Di atas keperluan ini, maka kajian ini dijalankan sebagai panduan kepada pendakwah-pendakwah di Brunei Darussalam untuk memahami kaedah yang bersesuaian dengan suasana masyarakat di Brunei Darussalam.

Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan yang mana penelitian dilakukan terhadap dokumen, buku-buku sejarah yang bersangkutan paut dengan tajuk kajian. Tulisan ini cuba menyorot bagaimana perkembangan dakwah di Negara Brunei Darussalam dan apakah yang menyebabkan dakwah di Brunei Darussalam bergerak dengan begitu teratur tanpa dipengaruhi mana-mana aliran dan kefahaman yang boleh mengganggu pengamalan agama Islam di Brunei Darussalam. Sorotan sejarah dakwah di Negara Brunei Darussalam ini menjadi salah satu faktor yang menyebabkan pengamalan beragama dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam berada dalam keadaan yang stabil dan harmoni tanpa ada perpecahan dalam masyarakat.

### **Dakwah di Negara Brunei Darussalam**

Islam hanya mula bertapak dengan kukuhnya di Brunei Darussalam dan tersebar dengan luasnya dalam kalangan penduduk tempatan setelah agama itu dianut oleh Raja Brunei iaitu Sultan Muhammad Shah (Jamil 2000:9). Langkah beliau diikuti oleh kaum keluarga dan rakyat baginda (Pengiran Mohammad 1992:56), maka keturunan tersebut saling berganti memerintah Negara Brunei hinggalah kepada masa ini iaitu Sultan Brunei yang ke-29 yang mana mereka adalah bertanggungjawab memelihara dan mempertahankan syiar Islam di Brunei Darussalam (Mohd Zain 1992:158).

Brunei sebagai Kesultanan Melayu Islam telah diiktiraf oleh Kerajaan Melaka pada tahun 1406M iaitu sempena lawatan Sultan Muhammad Shah ke Melaka. Tidak menghairankan jika diperingkat awal, perkembangan Islam itu agak perlahan di Brunei Darussalam kerana Brunei belum dikenal oleh pedagang Islam dari luar negeri yang datang berdagang mereka juga menjalankan usaha-usaha dakwah Islam. Bagaimanapun Brunei Darussalam agak beruntung kerana usaha ini kemudiannya telah dimulakan, dilaksanakan dan dihidupkan oleh seorang syarif yang dikatakan daripada keturunan Rasulullah SAW, mempunyai pengetahuan Islam dan akhlak yang baik, sehingga dengan kemuliaan akhlak dan peribadinya, waraknya dan pengetahuan agamanya telah menjadikannya calon yang tepat untuk memimpin kerajaan dan rakyat Brunei Darussalam. Dia ialah Sharif Ali yang diangkat oleh bapa mertuanya Sultan Ahmad dan dengan persetujuan rakyat untuk menjadi Sultan di Brunei Darussalam (Pengiran Mohammad 1992:85; Jamil 2001:79). Baginda datang ke Brunei sebagai mubaligh Islam yang bersungguh-sungguh menjalankan dakwah Islamiah (Jamil 2001:79).

Sultan Sharif Ali memerintah dari tahun 1425-1432M (Jamil 1992:XXXI). Baginda adalah Sultan Brunei yang bertanggungjawab mengukuhkan pelaksanaan syariat Islam. Pada zaman pemerintahannya, baginda membina masjid dan memperkuat pertahanan Brunei dengan pembinaan Kota Batu (Pengiran Mohammad 1992:94). Baginda juga telah mengatur sistem pentadbiran masjid (Pengiran Mohammad 1992:93; Jamil 1992:XXXI). Ini menunjukkan penganut-penganut Islam di Brunei Darussalam telah semakin ramai dan kedudukan agama itu sendiri semakin berpengaruh dan kuat. Tindakan baginda ini adalah sama dengan tindakan Rasulullah SAW ketika Rasulullah SAW mula sampai ke Madinah dan mengisytiharkan

Madinah sebagai sebuah negara Islam ketika itu. Langkah bijak baginda membina masjid telah banyak memberikan impak positif ke arah penghayatan beragama di kalangan masyarakat. Peranan masjid sebagai sebuah pusat perkembangan ilmu dan juga sebagai wadah menyatupadukan masyarakat Islam telah menjadikan Brunei lebih proaktif dalam mempraktikkan Islam sebagai cara hidup. Masjid sebagai sebuah institusi dakwah ketika itu telah menarik perhatian musuh Islam sehinggakan mereka berhasrat untuk merobohkan masjid dalam Perang Kastila.

Dakwah Islamiah di Brunei telah berkembang pesat dengan kepimpinan di bawah Sultan Sharif Ali dan beliau telah mendapat kepercayaan rakyat Brunei sehingga ditabalkan menjadi Sultan Brunei serta dikasihi lagi dihormati dengan panggilan “Sultan Berkat” (Low 1880:5; Jamil 1992:XXXI). Menurut Pengiran Mohammad, di zaman Sultan Sharif Ali ini boleh dikatakan bermulanya gerakan dakwah (Pengiran Mohammad 2001:98). Perkara yang perlu dicatat dari Sultan Sharif Ali adalah bahawa beliau telah menanamkan ajaran Islam sesuai dengan ajaran Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah dengan Mazhab Syafie, beliau pula yang menentukan arah kiblat yang betul kerana ajaran Islam sebelumnya banyak bercanggah dengan ajaran agama Hindu-Buddha. Panji-panji Negara Brunei Darussalam juga diasaskan oleh Sultan Sharif Ali, panji-panji yang mempunyai tiga sayap dan di atasnya terletak tunggul alam bernaga sebagai lambang kebesaran syiar Islam yang dikembangkan oleh baginda. Di antara tafsirnya yang dibuat mengenainya ialah sayap yang tiga iaitu menunjukkan agama Islam itu tertegak atas tiga landasan iaitu iman, Islam dan ihsan. Sementara tunggul alam bernaga ialah lambang kekuasaan Sultan yang menjalankan perintah Allah (Jamil 2001:90-91). Sebagai seorang ulama, baginda menyedari kewajipan dakwah ke atas individu Muslim dan kepentingannya kepada kesejahteraan ummah dan kekukuhan negara. Dengan yang demikian, baginda telah mempertingkatkan gerakan dakwah kepada orang Islam dan juga kepada orang yang bukan Islam. Bahkan baginda bukan sahaja berusaha mengislamkan seluruh penduduk Brunei (Pengiran Mohammad 2001:113), tetapi menurut Raffles, baginda telah pergi ke Jawa untuk mengislamkan Raja Majapahit yang bernama Perabu Angka Wujaya (Raffles 1992:113-115). Baginda telah memperlihatkan keindahan agama Islam dengan menjalankan beberapa kegiatan yang bermanfaat bagi masyarakat dan negara. Usaha baginda ini dipercayai telah berjaya memikat hati orang-orang yang belum beragama Islam, yang menyebabkan perkembangan Islam di zaman baginda dikatakan bertambah pesat. Kejayaan baginda ini bukan sahaja bertolak dari kelebihan baginda sebagai seorang ulama, tetapi juga kemampuan baginda menyesuaikan kegiatan yang dijalankan dengan aspek-aspek luaran dan dalaman bagi sasaran dakwah (Amin 1997:117-119).

Pada umumnya, Kesultanan Brunei Darussalam berjaya memberikan sumbangan yang besar ke arah menguatkan dakwah Islamiah di Brunei Darussalam dan mengukuhkan lagi kedudukan Islam di Brunei Darussalam. Ini disebabkan oleh keperibadian dan langkah bijak yang diambil semasa pemerintahan. Antara faktor tersebut adalah:

- i. Adanya sultan-sultan dan rakyat Brunei yang berpegang teguh kepada Islam.
- ii. Wujudnya kemantapan pentadbiran dalam negeri oleh sultan-sultan Brunei Darussalam yang berasaskan kepada keadilan sehingga rakyat merasa cukup bahagia dan senang memberikan taat setia yang ikhlas lagi tiada berbelah bahagi.
- iii. Kesedaran Sultan-Sultan Brunei Darussalam tentang perlunya membina angkatan perang dan pertahanan yang kuat.
- iv. Layanan dan diplomasi yang halus oleh sultan-sultan Brunei Darussalam terhadap pedagang-pedagang dan pelawat-pelawat dari luar negeri yang menunjukkan sikap

toleransi, sama ada mereka itu penganut Islam atau bukan.

Penglibatan dan komitmen institusi beraja di Negara Brunei Darussalam dalam mengembangkan dan mengukuhkan Islam di Brunei Darussalam dan telah mencetuskan semangat menyebarkan dakwah dalam kalangan penduduk di Negara Brunei Darussalam itu sendiri.

### **Dakwah di Brunei Darussalam Sebelum Kemerdekaan**

Arus perkembangan dakwah di Brunei berkembang seiring dengan berkembangnya agama Islam itu sendiri. Perkembangan dakwah di Brunei Darussalam sebelum Brunei mencapai kemerdekaan dari pihak British pada tahun 1985 boleh dibahagi kepada dua bahagian iaitu dakwah melalui pendidikan dan dakwah melalui insititusi dakwah.

#### ***Dakwah Melalui Pendidikan***

Sebelum Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, sudah ada golongan yang berusaha mengembangkan dakwah di kalangan masyarakat. Mereka adalah golongan-golongan elit ulama yang mempunyai tugas penting dalam pentadbiran negara untuk mengembangkan Islam. Mereka dikenali sebagai ‘Catip’ atau Khatib merupakan profesion bagi salah satu golongan ulama elit dalam pemerintahan kerajaan yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat, seperti di Aceh dan di Terante mereka ini mempunyai peranan sebagai anggota pembentuk dasar kerajaan yang agak berpengaruh khasnya apabila bersuara dan bertindak bersama dengan golongan bukan ulama yang digelar ‘manteri’ yang berperanan sama dengan ulubalang di Aceh (Yahya 1993:65). Sebelum kemunculan persekolahan Melayu, masyarakat Islam Brunei telah pun memiliki sistem pendidikan Islam mereka sendiri. Ada sarjana berpendapat bahawa pendidikan tersebut dipercayai sudah bermula serentak dengan proses Islamisasi ke atas masyarakat Brunei (Mohd Zain 1992:160). Senario ini bukan hanya terjadi di Brunei malahan ia juga terjadi ke atas negeri-negeri lain di Kepulauan Melayu seperti Indonesia, Tanah Melayu, dan Filipina. Justeru menerusi pendidikan sajalah ajaran Islam dapat disebarkan dan akan difahami oleh penganutnya untuk diamalkan (Ismail Hamid 1986:170). Pendidikan Islam dipercayai telah dilakukan oleh pendakwah-pendakwah luar yang datang ke negara ini. Mereka ini sama ada dari Arab, Parsi atau India (Asbol 2012:327).

Kesultanan Melayu Brunei telah muncul sebagai pusat pengembangan Islam yang penting setelah keruntuhan Melaka. Peranan pendakwah luar dalam mengajarkan ajaran Islam ini kemudiannya disertai oleh orang-orang tempatan iaitu daripada anak-anak murid pendakwah itu setelah mereka mendapat tunjuk ajar dalam pengetahuan ugama Islam (Mohd Zain 1992:161). Antara ilmu yang disampaikan oleh para pendakwah ini ialah ilmu Fardhu ‘Ain, perkara asas dan mudah difahami seperti rukun Islam, rukun Iman, hari-hari kebesaran Islam dan pengajaran membaca al-Qur’an. (Asbol 2012:327). Selain itu juga, ada orang-orang Islam di negara jiran dan sebahagiannya ada yang bermastautin di Mekah dan apabila mereka itu kembali ke Brunei maka merekalah menjadi pendakwah dan tenaga penggerak dalam menyebarkan ilmu pengetahuan ugama Islam melalui balai-balai dan masjid-masjid (Mohd Zain 1992:161). Kegiatan pendidikan ini pada awalnya berpusat di rumah-rumah persendirian. Oleh kerana orang yang memeluk agama ini semakin ramai dari masa ke semasa, maka kegiatan tersebut dibuat di balai-balai, surau-surau dan seterusnya ke masjid-masjid (Asbol 2012:328). Pelajaran yang diterima oleh orang-orang Brunei itu menjadi amalan mereka dan dipegang dengan teguh.

Tujuan pengajian di balai ini ada dua iaitu pengajian secara umum dan secara khusus (Yahya 1993:65). Pengajian secara khusus bermaksud pengajian dan pemerhatian terhadap orang-orang yang berpotensi untuk pelapis bagi mewarisi kesinambungan para guru yang ada, yang mungkin terdiri dari ahli keluarga atau yang dicadangkan oleh orang lain. Berdasarkan dua tujuan pengajian di balai itu, maka corak pengajian juga terbahagi kepada pengajian umum yang tidak memerlukan kepandaian tulis dan baca jawi iaitu Dikir Brunei, Ratib Saman, Mengaji al-Qur'an dan Hadhrah (Asbol 2012:330; Yahya 1993:66).

Di samping itu juga, sedikit sebanyak mengenai ibadat sembahyang dan yang sehubungan dengannya. Jurusan inilah yang menjadi keperluan masyarakat umum bagi melepaskan tuntutan Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah. Selain itu bentuk pengajian yang calon-calonnya terdiri daripada orang-orang yang pandai menulis dan membaca jawi iaitu berkait dengan ilmu Fiqh, Faraidh, Bab Nikah, Nahu dan Qawaid, Tasawuf dan Akhlak dan Tauhid (Yahya 1993:67). Selain itu juga antara tujuan pengajian khusus itu antara lain untuk menjadi pegawai pemerintah, pengajar agama kepada anak buah mereka, pegawai masjid, sebagai asas untuk menjadi jurunikah dan sebagai asas untuk menjadi kadi (Mohd Zain 196:197). Begitupun tujuannya bukan juga untuk material, kerana pegawai-pegawai agama dan para ulama ini hanya diberikan beberapa kemudahan dan keutamaan yang tidak bersifat kewangan, maka untuk mendapatkan sara hidup mereka mestilah berusaha sendiri (Mohd Zain 1992:163).

Menurut Mahmud Saedon, sistem pendidikan balai yang ada di Brunei telah memberikan sumbangan yang besar dalam melahirkan ulama-ulama tempatan yang mempunyai pengetahuan mendalam dalam ilmu fiqh dalam bahasa Melayu berdasarkan Mazhab Syafie. Bagaimanapun sumbangan balai sebagai penyalur ilmu agama boleh dikatakan tidak menyeluruh ke atas masyarakat Islam. Dalam pengajian balai, hanya membenarkan kaum lelaki sahaja. Jadi kaum wanita terhalang untuk mendapatkan ilmu agama. Golongan wanita yang pandai mengaji dan ilmu agama hanya belajar di rumah-rumah persendirian yang jauh daripada pergaulan dengan kaum lelaki. Balai sebagai institusi pendidikan agama non-formal memainkan peranan penting dalam pengisian ilmu Islam kepada warga masyarakat di Brunei Darussalam terutama pada period 1920-an hingga 1950-an. Selain itu juga, pendidikan agama di balai tidak menekankan pelajaran menulis dan membaca, tapi kemampuan menghafal pelajaran-pelajaran yang diberikan. Pertama, mata pelajaran yang pada dasarnya tidak memerlukan kepandaian menulis dan membaca jawi iaitu pelajaran dikir Brunei, ratib Saman, membaca al-Quran dan hadrah. Kedua, mata pelajaran yang memerlukan kepandaian menulis dan membaca jawi seperti fiqh, faraid, bab nikah dan bahasa arab (Yahya 1988:4).

Walaupun bagaimanapun, daerah jangkauan balai juga tidak meluas, balai biasa dihadiri oleh warga masyarakat di sekitarnya. Walaupun tidak ada sekatan bagi masyarakat luas menghadiri pelajaran di balai tetapi terbatasnya infrastruktur tidak memungkinkan masyarakat yang tinggal jauh dari balai menghadiri pelajaran di balai. Tidak semua warga masyarakat mempelajari agama disebabkan tidak semua kampung di Brunei mempunyai balainya sendiri sebagai wadah penyalur ilmu agama kepada masyarakat. Oleh kerana daerah jangkauan balai tidak merata dan menyeluruh, terdapat warga masyarakat yang tidak berkesempatan mempelajari agama (Aishah 1991:301). Peranan balai sebagai institusi pendidikan secara beransur-ansur mengalami kemerosotan dan seterusnya pupus apabila pendidikan agama Islam diajarkan di sekolah-sekolah terutama sekali apabila muncul Sekolah Agama Rendah pada tahun 1956 (Asbol 2012:332).

Sebelum zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien III, pelajaran agama kekal diajarkan di balai-balai, masjid-masjid, dan rumah-rumah persendirian. Namun pengajaran dan pembelajaran agama di balai adalah yang paling popular yang dapat dikatakan sebagai 'sistem balai', di Malaysia pengajian ini di panggil 'sistem pondok', dan di Indonesia pula dikenal sebagai 'sistem pesantren'. Dalam awal tahun tiga puluhan, pelajaran agama itu telah dimasukkan ke sekolah-sekolah umum kerajaan sebagai satu mata pelajaran, tetapi sistemnya tidaklah teratur dan masa belajar juga tidak mencukupi. Keadaan ini berjalan sehingga ke tahun 1950-an. Pelajaran agama yang tidak bersistem itu dimaklumi sendiri oleh Sultan Haji Omar Ali Saifuddien di awal pemerintahan baginda. Memandangkan baginda adalah seorang yang cenderung kepada hal-hal keugamaan, maka antara perkara yang awal baginda tangani ialah aspek pendidikan agama. Antara faktor yang menyebabkan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien cenderung dalam meningkatkan kualiti pendidikan agama dalam kalangan masyarakat adalah berdasarkan laporan yang disediakan pada tahun 1955 oleh dua orang tenaga yang didatangkan dari Johor menunjukkan bahawa murid-murid tidak mengetahui rukun Islam seperti solat fardhu lima waktu dan solat Jumaat. Perkara ini sungguh menghairankan sedangkan inisiatif menyalurkan pelajaran agama di sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris telah dimulakan sejak tahun 1931 dan terus dikembangkan (Mohd Zain 1983:45). Baginda melihat betapa pentingnya Brunei mempunyai ahli-ahli agama untuk menangani keperluan umat Islam di Brunei bagi jangka masa pendek dan panjang, maka kerana itu tindakan segera yang awal baginda buat ialah melakukan penghantaran beberapa orang pelajar tempatan untuk belajar agama di luar negara, ini diusahakan setiap tahun. Langkah berikutnya ialah menubuhkan persekolahan agama moden yang bersistem. (Durahman 2002:72; Muhammad 2011:2). Bertolak dari sini, pemerintah institusi pendidikan agama formal pada tahun 1956. Pada akhir tahun 1956, Jabatan Hal Ehwal Ugama mendirikan tujuh buah sekolah agama di seluruh negara. Sekolah-sekolah rendah ugama mengaplikasikan sepenuhnya sistem sekolah ugama negeri Johor, terutama yang berkaitan dengan silibus, buku teks serta syarat-syarat kemasukan, pengambilan murid-murid sekolah (Hamid 2004:9). Hasil dari pembinaan sekolah tersebut telah dijangkakan akan dapat memberi sumbangan secara meluas dalam pengisian ilmu agama kepada warga masyarakat (Aishah 1991:311).

Setelah almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ditabalkan dan dimasyhurkan menaiki takhta pada 6 Jun 1950 menggantikan abang baginda Sultan Ahmad Tajuddin, baginda telah memulakan era baru dalam pembangunan Islam di Brunei Darussalam (Jamil 1992:LX). Antara peranan baginda adalah membuat perubahan besar dalam pentadbiran Islam dengan menubuhkan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Adat Istiadat Brunei (Ampuan Brahim et al. t.th:45). Di samping itu, ketika baginda merundingkan Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei mulai tahun 1959 yang ditandatangani pada 29 September 1959, baginda telah meletakkan Agama Islam sebagai agama rasmi Negara. Jawatan Residen British dimansuhkan dan diganti dengan British High Commissioner yang lebih bersifat lambang British. Sebaliknya Sultan diberi kuasa yang lebih luas. Jentera pentadbiran disandang oleh Menteri Besar yang dipilih dari kalangan orang Melayu yang beragama Islam. Bahasa Melayu pula dijadikan bahasa rasmi. Agama Islam dijadikan agama rasmi bagi kesultanan Brunei dan kepercayaan lain ditegah daripada disebar (Sanib1994:131). Kearifan baginda menyusun pentadbiran negara terutama dalam meningkatkan dakwah Islamiah telah mengembalikan semula kepada sistem pendidikan Islam, membina dan mengadakan masjid-masjid dan sekolah-sekolah agama serta menyediakan kemudahan-kemudahan kepada anak tempatan untuk melanjutkan pelajaran tinggi agama di maktab-maktab, universiti dan institusi pengajian tinggi Islam yang terkenal di luar negeri terutama di Timur Tengah telah menjadikan Islam itu maju dan berkembang pesat. Dalam zaman baginda perkembangan syiar Islam terus bersemarak dan

bersambung hingga kepada zaman pemerintahan putera baginda, KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah (Jamil 1992:X).

Dapat dibuktikan dari sistem pendidikan Islam itu telah terbina Maktab Perguruan Agama Seri Begawan yang memulakan pengajiannya pada tahun 1972 (Yahya 1993:80). Maktab ini telah berjaya melahirkan ribuan guru agama untuk berkhidmat dalam bidang pendidikan agama dan dakwah Islamiah. Maktab tersebut pula pada masa ini ditingkatkan taraf dan tahapnya pada tahun 2007 menjadi Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan yang bakal melahirkan guru-guru agama dan pegawai-pegawai pendidikan agama dan pendakwah yang lebih berwibawa dan berkualiti di masa hadapan. Dari sistem persekolahan agama itu juga munculnya sekolah Arab Laki-Laki dan Perempuan yang melahirkan Institut Pengajian Islam pada tahun 1989 dalam mengeluarkan Diploma Pengajian Islam bertaraf Diploma Kebangsaan Tertinggi dalam bidang Syariah, Usuluddin, dan Bahasa Arab. Institut tersebut dicantumkan dengan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1999 yang mengeluarkan ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dan bidang-bidang pengajian Islam dan Bahasa Arab. Perkembangan yang berlaku selepasnya pula berasaskan dari Institut itu terbinanya Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang bukan sahaja mengeluarkan ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang-bidang pengajian Islam, malah juga ijazah Doktor Falsafah dan kursus-kursus profesional lainnya. Sementara itu, setelah terbinanya Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Institut Pengajian Islam diambil alih oleh UBD yang berperanan dalam bidang penyelidikan Islam di peringkat ijazah lanjutan.

Hasil daripada penubuhan persekolahan agama moden yang bersistem itu ialah wujudnya berbagai institusi keagamaan dalam bidang pendidikan agama di semua peringkat, meliputi perundangan Islam, dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, dalam bidang dakwah, dalam bidang kewangan Islam, dalam bidang pentadbiran masjid, dalam bidang kemasyarakatan, dan lain-lain lagi yang akhirnya telah dapat menyuburkan penghayatan terhadap ajaran Islam di negara Brunei Darussalam. Lambang-Lambang Islam, terutamanya ayat-ayat suci al-Qur'an, telah dijadikan sebagai lambang rasmi kerajaan sejak beberapa lama. Sebagai contoh, mohor rasmi KDYMM menggunakan potongan ayat pertama Surah al-Mulk yang bererti "Maha berkat Allah yang menguasai kerajaan yang di dalam kekuasaan-Nya". Dalam bendera Brunei pula, iaitu di bawah panji-panjinya, tertulis kalimah Arab yang bererti "sentiasa membuat kebajikan dengan petunjuk". Demikian juga apabila negara ini mengisytiharkan kemerdekaannya, maka kalimat "Allahuakbar" telah dilaungkan sebanyak tiga kali bagi menggantikan kalimat merdeka. Semua perlambangan di atas, walaupun sekadar slogan atau motto, tetapi ia telah memberi gambaran bahawa kalimat-kalimat suci al-Qur'an itu telah diberi tempat yang istimewa dalam urusan kerajaan. Ia juga menimbulkan semangat keislaman serta unsur dakwah Islam.

Selain mendirikan institusi pendidikan formal di atas, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengadakan kelas dewasa ugama dan kelas dewasa al-Quran pada tahun 1958. Kelas-kelas ini diadakan sebagai alternatif bagi mereka yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan agama formal di sekolah-sekolah rendah ugama terutamanya orang-orang dewasa, remaja dan orang tua. Kelas-kelas ini meskipun tidak formal seperti institusi balai, tetapi jauh lebih baik dari balai kerana beberapa faktor. Antaranya, kelas-kelas ini dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama yang mempunyai struktur pentadbiran yang teratur untuk memantau pelajaran yang diajarkan di kelas-kelas tersebut. Selain itu pelajaran-pelajaran yang diajarkan di kelas-kelas ini juga lebih banyak dan perjalanan pelajarannya sangat teratur serta mempunyai tujuan dan objektif yang jelas dan terarah dan sentiasa disesuaikan dengan kondisi sosio politik negara (Aishah 1991:311). Pada tahun 1965, tercatat kira-kira 26,781 orang dewasa mengikuti pelajaran di

kelas agama dewasa di seluruh negara. Pendidikan agama formal di sekolah-sekolah rendah agama di seluruh negara telah membuahkan hasilnya terutama dalam melahirkan guru-guru agama. Pada tahun 1966, ramai guru-guru yang dapat dihasilkan iaitu seramai 67 orang (Penyata Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Brunei 1966:12). Kelas-kelas dewasa agama ini mula bertukar rentaknya pada tahun 1982 dan menjelma dalam bentuk majlis taklim terutama di masjid-masjid, surau-surau serta balai-balai ibadat sebagai kegiatan takmir masjid dan kuliah-kuliah agama di pejabat kerajaan. Kelas-kelas dewasa agama dan al-Quran ditaja oleh pejabat-pejabat kerajaan pada tahun 1980-an berjalan aktif. Kelas-kelas sedemikian sama ada diadakan pada waktu bekerja atau pada hari-hari kelepasan awam telah mempertingkatkan kehidupan beragama masyarakat, suasana beragama terdapat di pejabat-pejabat di mana perkara ini tentunya mempengaruhi kehidupan beragama dalam keluarga dan masyarakat sehingga ajaran Islam dapat diterjemahkan dalam kehidupan seharian mereka (Aishah 1991:326).

Peranan masjid juga dengan aktiviti takmir bermula pada tahun 1956. Bagi menyemarakkan lagi aktiviti takmir masjid, sebuah jawatankuasa masjid dibentuk pada tahun 1964 oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Menjelang tahun 1970, Brunei mempunyai 40 buah masjid. Kedudukan masjid memang signifikan di Brunei yang mungkin berbeza jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain dalam Nusantara, kerana di Brunei dalam zaman tradisi itu masjid dilihat sebagai entiti agama yang kuat. Memelihara masjid bermakna juga memelihara agama atau mendokong syariat Islam (Mahyauddin & Pengiran Mohammad 2011:52). Pengisian ilmu agama Islam oleh institusi pendidikan formal dan tidak formal telah menjadikan masyarakat Brunei menjelang tahun 1970, masyarakat yang mempunyai kesempatan mempelajari ilmu agama yang dinilai mencukupi (Aishah 1991:319).

Perkembangan dan tuntutan masyarakat Islam kepada pelajaran agama semakin menggalakkan kerana dalam masa yang sama ibu bapa turut serta berlumba-lumba menambahkan ilmu pengetahuan mereka dengan menghadiri kelas dewasa agama dan al-Quran di mana saja ianya diadakan. Pada masa itulah guru-guru agama berkesempatan memberi semangat dan menggalakkan supaya ibu bapa dan anak-anak mereka lebih berusaha menambah dan meluaskan pelajaran agama, seperti menghalusi sembahyang dan seumpamanya. Dalam pada itu, Jabatan Hal Ehwal Ugama terus meningkatkan usaha sedaya upaya yang boleh untuk mendirikan bangunan-bangunan sekolah sementara di kawasan-kawasan yang difikirkan perlu melalui peruntukan Jabatan Hal Ehwal Ugama sendiri. Selain daripada itu, Jabatan Hal Ehwal Ugama juga pernah menggunakan bangunan-bangunan kerajaan, masjid-masjid dan bangunan-bangunan persatuan (Abdul Hamid 2004:39). Seterusnya pada tahun 1966, sekolah menengah agama yang dikenali sebagai Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkhiah (SMALHB) dan diikuti pada tahun 1962 penubuhan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD). Sekolah-sekolah ini memberikan penekanan yang seimbang terhadap pendidikan agama dan akademik. Lulusannya diharapkan oleh pemerintah dapat melanjutkan pengajian ke Universiti al-Azhar, Mesir atau Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia (Aishah 1991:315).

Pendidikan agama formal dan tidak formal seperti balai, masjid, sekolah-sekolah rendah agama, kelas-kelas dewasa dan Institusi Pengajian tinggi membantu dalam mengembangkan dakwah Islamiah. Proses Islamisasi kembali aktif terutama setelah kemasyhuran konstitusi 1959. Kurun waktu 1960-an merupakan fasa mengatur strategi dan program ke arah merealisasikan kehendak konstitusi 1959 dalam menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara. Oleh kerana penghayatan ajaran Islam tidak terjadi dengan sendirinya, pemerintah telah membangun beberapa institusi pendidikan bagi menyalurkan ajaran Islam kepada masyarakat.



Sebelum wujudnya institusi pendidikan ini, masyarakat jauh dari nilai Islam sehingga mengamalkan budaya Hindu dan kefahaman animisme (Aishah 1991:48).

Secara kesimpulannya, sejarah menunjukkan institusi pendidikan agama telah banyak mencorak dan mewarnai perjalanan dakwah di Brunei Darussalam. Sistem pendidikan yang asalnya bermula di rumah-rumah persendirian dan balai-balai akhirnya menunjukkan hasil dengan pembinaan sekolah rendah agama, kelas-kelas dewasa dan seterusnya dikukuhkan lagi dengan pembinaan Institut Pengajian Tinggi. Hasil dari institut pendidikan agama ini telah melahirkan tokoh agama dan pendakwah-pendakwah yang banyak menyumbangkan ke arah perkembangan dakwah di Negara Brunei Darussalam.

### ***Dakwah Melalui Institusi Dakwah***

Cita-cita untuk menuju negara yang berteraskan Islam ini dicetuskan pada peringkat awalnya oleh pemerintah negara. Pemerintah negara atau Sultan dianggap sebagai penaung atau ketua agama Islam. Pendapatnya perlu dipatuhi dan dihormati. Peringkat awal penerapan dan penyerapan Islam kepada masyarakat setempat hanyalah merupakan dakwah-dakwah yang disampaikan melalui syarahan-syarahan di kampung-kampung dan dalam perhimpunan masyarakat, dan juga melalui media massa kerajaan, terutama radio. Kerana ketika itu, iaitu dalam tahun 1960-an hingga 1970-an, Brunei masih di bawah naungan British. Oleh itu, aktiviti dakwah hanya dijalankan secara sederhana dan biasa sahaja. Dalam masa yang sama, negara menghadapi kekurangan tenaga penggerak terutama dalam kalangan anak-anak tempatan.

Sebelum tertubuhnya Pusat Dakwah Islamiah, Badan Penerangan Agama Islam telah didirikan pada tahun 1958, Badan Penerangan Agama Islam inilah yang rasmi berfungsi menjalankan kegiatan dakwah Islamiah kepada masyarakat. Pada tahun 1958 merupakan zaman awal Brunei Darussalam kembali mengintensifkan proses Islamisasi yang tertunda beberapa waktu disebabkan adanya campur tangan asing. Undang-Undang Inggeris di Brunei pada tahun 1906 menyebabkan terganggunya perjalanan undang-undang Islam yang sebelumnya digunakan dalam seluruh kehidupan sosio-politik di Brunei Darussalam. Inggeris dengan kuasa yang diperolehinya menerusi perjanjian telah memperkenalkan dan menerapkan undang-undang Inggeris di Brunei Darussalam sehingga menjadikan Undang-Undang Islam bersifat *subsidiary* dan *subordinate* yang peranannya terbatas hanya pada undang-undang sendiri (Aishah 1991:35).

Keadaan yang ada mengakibatkan proses Islamisasi tidak berjalan dengan lancar, prasarana dan sarana pembinaan agama Islam seperti sekolah, masjid tidak berfungsi dengan memuaskan. Hal ini menjadikan keadaan masyarakat semakin jahil, praktik bid'ah, tahyul dan khurafat terlihat dengan jelas dalam kehidupan beragama masyarakat. Sejak tahun 1950, SOAS III mendirikan Majlis Mesyuarat Syari'ah dimana baginda sendiri menjadi pengerusinya. Majlis ini telah mencapai kebulatan tekad sehingga sebuah jabatan yang berfungsi menyebarkan agama Islam dapat didirikan pada 1 Julai tahun 1954. Jabatan ini kemudian dinamakan Jabatan Adat Istiadat, Agama dan Kebajikan Masyarakat yang diketuai oleh Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohd. Alam Ibni Duli Pengiran Bendaharan Anak Abdul Rahman. Jabatan ini telah menjadi institusi perkembangan dan penyebaran Islam. Peranan yang dijalankan adalah untuk memberi kefahaman Islam yang benar kepada masyarakat agar Islam itu kembali dihayati dalam ruang lingkup kehidupan. Seterusnya demi untuk menghasilkan gerak kerja dakwah yang lebih sistematik, Badan Penerangan Agama Islam ditubuhkan pada tahun 1958 (Abdul Aziz 1968:37).

Lima tahun kemudian, setelah Perlembagaan Brunei berkuatkuasa pada 29 September 1959, institusi ini telah dipecahkan kepada dua iaitu Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Adat Istiadat Negara dan Kebajikan Masyarakat. Sejarah perkembangan dakwah di Brunei telah mencatat dengan gemilangnya peranan yang dimainkan oleh Sultan Omar 'Ali Saifuddin sebagai tenaga penggerak, pendorong dan pencetus idea bagi mengembangkan dan meneguhkan syiar dan ajaran Islam di Brunei. Sejak tahun 1954, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah berkembang dengan pesat. Dari segi fizikal, jabatan ini mulanya hanya ditempatkan di beberapa buah bilik di tingkat bawah bangunan Setiausaha Kerajaan secara berkongsi dengan Jabatan Adat Istiadat dan Kebajikan Masyarakat. Kemudian pada tahun 1960 berpindah pula ke Lapau Lama di Bandar Seri Begawan (Pengiran Mohammad 2007:207). Jabatan Hal Ehwal Ugama merupakan di antara lapan buah jabatan kerajaan yang terbesar di Brunei dari kira-kira 45 buah jabatan semuanya yang ada pada masa itu.

Semasa ia mula-mula ditubuhkan pada tahun 1954, tidak dijelaskan dasar dan matlamat jabatan ini, dalam erti kata tidak dicatatkan dalam bentuk hitam putih. Meskipun begitu dasar dan matlamatnya tetaplah tidak lari dari memelihara agama dan bergerak ke arah perkembangannya, di samping menjaga kesejahteraan umat Islam. Pada tahun 1968, KDYMM Paduka Baginda Sultan bertitah tentang peranan institusi Islam ini dalam perkembangan Islam di Brunei.

Usaha Kerajaan Beta melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama adalah merupakan satu langkah untuk memperluaskan agama yang sebenar-benarnya atau kepada kehidupan beriman asas kesilaman sebagai satu cara hidup yang sentosa.<sup>1</sup>

Jabatan ini selaku induk institusi agama mempunyai beberapa cawangan (bahagian) yang merupakan institusi kecil bagi melaksanakan dasar, mencapai matlamat dan menjalankan pentabirannya. Bahagian-bahagian tersebut adalah Pentadbiran Am, Kehakiman, Penerangan dan Tabligh, Majlis Ugama Islam, Pendidikan dan Fatwa dan Perpustakaan (Pengiran Mohammad 2007:212).

Dalam kajian ini pengkaji hanya akan menjelaskan peranan yang dijalankan oleh Bahagian Penerangan dan Tabligh kerana fungsinya yang lebih banyak menyumbang ke arah perkembangan dakwah di Brunei Darussalam. Bahagian ini ditubuhkan pada 10 Januari 1958 dan dikenali dengan nama Badan penerangan Ugama Islam dengan anggotanya seramai 19 orang termasuk seorang pengerusi dan timbalan ketika awal penubuhannya. Pada mulanya anggota badan ini berjawatan sementara sahaja tetapi untuk memperluas dan mempertingkatkan lagi amal usaha di bidang dakwah Islamiah, pada tahun 1964, bahagian ini dijadikan satu bahagian tetap dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan namanya bertukar menjadi Bahagian Penerangan dan Tabligh. Sejak itu, BPDT menerima tanggungjawab untuk menjalankan dakwah Islamiah kepada masyarakat secara intensif dengan strategi dan wawasan yang jelas. Pada tahun 1968, BPDT membuka cabang-cabangnya di Daerah Temburong, Daerah Belait dan Daerah Tutong. Struktur pentadbiran ini kekal hingga tahun 1980. Dengan terdapatnya cabang bahagian ini di seluruh negara memungkinkan kunjungan dakwah ke kawasan-kawasan pedalaman dapat dijalankan secara berterusan dan lebih kerap dari sebelumnya (Aishah 1991:41). Pertukaran nama sekali lagi dibuat pada tahun 1981 dengan panggilan Bahagian Dakwah dan Tabligh. Perubahan ini menunjukkan proses menaik taraf yang menuntut peningkatan yang seimbang dalam fungsi dan peranan dalam memajukan dakwah Islamiah di Brunei Darussalam. Bahagian Dakwah dan Tabligh sepanjang sejarahnya mulai 1981 hingga

1986 telah menjalankan kegiatan dakwah dengan pelbagai pendekatan yang menunjukkan hasil yang positif dalam menghayati Islam sebagai cara hidup dalam kalangan masyarakat. Di antara aktiviti yang dijalankan oleh bahagian ini adalah seperti mengadakan lawatan dakwah dan tabligh, membantu pegawai-pegawai penyelaras kelas-kelas bimbingan mualaf, menerbitkan majalah dan buku-buku agama, mengeluarkan berita sekitar peristiwa-peristiwa bercorak agama dan gambar-gambar, mengadakan perayaan-perayaan bercorak keagamaan khususnya Israk Mikraj, Nuzul al-Qur'an, Awal Muharam, Maulud Nabi Muhammad SAW dan lain-lain, menyediakan rancangan untuk siaran radio dan televisyen Brunei dan menolong pada merayakan majlis untuk meraikan saudara baru di kampung-kampung (Pengiran Mohammad 2007:221; Latifah 2002:14).

Sebelum tertubuhnya Badan Penerangan Agama Islam, gerakan dakwah di Brunei berjalan secara senyap dan bersendirian kerana tiada sebarang badan yang mengendalikannya, tetapi setelah tertubuhnya organisasi dakwah secara rasmi, kegiatan dakwah Islam mulai diberikan perhatian. Berdasarkan aktiviti di atas, pendekatan dakwah ini dapat dikategorikan ke dalam tiga kategori iaitu dakwah secara lisan, dakwah secara tulisan dan dakwah secara perayaan agama. Dakwah secara lisan ialah dengan memberikan syarahan agama di tiap-tiap kampung dan pekan di seluruh negeri Brunei. Antara tajuk yang disampaikan adalah berkaitan hukum-hukum syarak, sejarah Islam, adab dan akhlak, sirah Rasulullah SAW, suruhan dan tegahan, Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah dan lain-lain. Menurut statistik yang dikumpulkan selama empat tahun iaitu bermula pada tahun 1962 hingga 1965, menunjukkan bahawa usaha ini mendapat sambutan baik dari orang ramai. Dalam empat tahun itu, sebanyak 301 syarahan telah disampaikan di 255 buah tempat, sementara jumlah yang hadir ialah seramai 26,961 orang. Jumlah ini meningkat dari tahun ke setahun membuktikan sambutan masyarakat begitu menggalakkan. Sasaran dakwah terdiri dari golongan yang beragama Islam dan juga yang belum beragama Islam. Sambutan dari golongan yang belum beragama Islam terdiri daripada puak-puak Iban, Murut, Dusun dan lain-lain terhadap rombongan badan penerangan agama adalah memuaskan. Sebagai usaha untuk membina ikatan hati dengan golongan yang belum beragama Islam, para pendakwah kadang-kadang tinggal bermalam di rumah-rumah panjang mereka untuk sekurang-kurangnya satu atau dua malam. Selain itu juga dalam usaha mengembangkan dan menyebarkan ajaran Islam, bahagian dakwah dan tabligh telah mendapat pertolongan dan kerjasama dari pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, Pejabat Daerah dan lain-lain jabatan dari seluruh negeri. Pertolongan dan kerjasama itu berbentuk penyediaan pegangkutan seperti kenderaan darat dan kenderaan laut, ini berikutan tempat yang hendak dituju berada di kawasan pendalaman dan tidak boleh dimasuki dengan kenderaan biasa (Pengiran Mohammad 2007:225).

Usaha dakwah ini menunjukkan hasilnya apabila pada tahun 1972 hingga 1975 bilangan orang yang masuk Islam bertambah setiap tahun dari angka 113 hingga 248. Ini menunjukkan agama Islam mula difahami dan diterima oleh penduduk yang bukan Islam. Dalam soal pemeliharaan saudara baru ini, Jabatan Hal Ehwal Ugama tidak mengabaikan tanggungjawabnya dalam memberikan bimbingan yang secukupnya bagi membolehkan mereka menghayati ajaran Islam itu dengan sempurna. Selain menggunakan pendekatan dakwah lisan melalui syarahan, dengan kemudahan teknologi radio dan televisyen, pelbagai rancangan agama telah diadakan seperti tokoh Islam, mengenal Islam, syarahan agama, tafsir al-Qur'an, majalah agama, suntingan hidayah, ceramah agama, suntingan khutbah jumaat dan banyak lagi. Rancangan tersebut dibahagikan kepada tiga kategori yang dinamakan rancangan harian, rancangan mingguan dan rancangan bermusim (Pengiran Mohammad 2007:232). Pada tahun 1975, Bahagian Dakwah Tabligh lebih mulai aktif dalam menyampaikan mesej dakwah melalui media massa tempatan

dan pendekatan ini telah dapat menimbulkan kesedaran beragama dalam kalangan masyarakat Islam di seluruh negara (Aishah 1991:46).

Antara pendekatan dakwah yang digunakan juga ialah dengan menyampaikan dakwah secara tulisan. Usaha Bahagian Dakwah dan Tabligh dalam bidang ini ialah dengan menerbitkan sebuah majalah agama yang dinamakan Majalah Jabatan Hal Ehwal Ugama pada tahun 1962. Mulai bilangan 44, majalah tersebut diubah namanya kepada 'al-Huda', diikuti dengan penerbitan sebuah risalah secara stensilan yang dinamakan 'Sinaran Suci', terbit setiap dua kali sebulan serta buku-buku keagamaan dalam bidang aqidah, syariah, akhlak, tasawwuf, sosio-ekonomi dan politik menurut perspektif Islam. Antara tujuan penerbitan majalah dan risalah ini adalah untuk menyebarkan kesedaran bergama di kalangan rakyat. Lain-lain terbitan yang berjaya dihasilkan oleh bahagian ini ialah beberapa buah buku dan risalah agama yang ditulis oleh penulis tempatan khususnya lulusan dari Universiti al-Azhar, Mesir. Kegiatan ini sudah tentu memberikan sumbangan yang bererti kepada perkembangan Islam di Brunei (Pengiran Mohammad 2007:234).

Fenomena kebangkitan Islam itu terlihat dengan jelas di Brunei Darussalam pada tahun 1970-an. Fenomena ini telah dianggap oleh pembesar negara sebagai tanda waktu yang tepat telah tiba untuk merealisasikan hasrat negara untuk menjadikan Islam sebagai falsafah dan ideologi negara, cara hidup yang lengkap dan sempurna dalam seluruh bidang kehidupan. Di antara usaha untuk mencapai hasrat tersebut adalah dengan mengembangkan dakwah Islamiah. Menyedari tuntutan Brunei kepada peningkatan dakwah Islamiah dalam era kebangkitan ini telah memberi inspirasi kepada pembesar negara untuk mendirikan sebuah institusi yang akan menjadi nadi penggerak ke arah perkembangan dan peningkatan dakwah Islamiah di Brunei Darussalam. Penubuhan Pusat Dakwah Islamiah merupakan sebahagian dari rangkaian usaha pemerintah dalam mengimplementasikan kehendak konstitusi 1959 (Aishah 1991:14). Pada tahun 1986, akhirnya Bahagian Dakwah dan Talbigh bergabung di bawah Pusat Dakwah Islamiah agar dakwah berjalan secara lebih terpadu dan terarah (Aishah 1991:43).

### **Dakwah di Brunei Darussalam Selepas Kemerdekaan**

Perkembangan dakwah di Brunei selepas kemerdekaan pada tahun 1985 dapat dilihat dari aspek perlembagaan, pendidikan, ekonomi, perundangan dan sosial. Kesan dakwah Islam yang telah dijalankan sebelum Brunei mencapai kemerdekaan telah memberi kesan yang positif dalam pembangunan negara.

#### ***Perlembagaan***

Di dalam perlembagaan Brunei Darussalam tahun 1959 bahagian II ceraihan 3 (1&2) Islam telah dinyatakan dengan tegas sebagai agama rasmi negara. Butirannya seperti:

*“Agama rasmi negeri ialah agama Islam menurut Ahli Sunnah wal Jamaah, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.”*

Ketua agama Negara Brunei adalah sultan yang memerintah. Oleh itu jawatan Sultan, Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan hanya boleh disandang oleh orang Islam. Perlembagaan ini juga menegaskan kebebasan mengamalkan agama bukan Islam kepada penganut-penganut agama lain. Tidak syak lagi Brunei Darussalam menjamin kebebasan beragama bagi semua penduduknya (Ibrahim 1997:148). Walaubagaimana pun, orang-orang yang tidak beragama Islam sama sekali dilarang mengembangkan agama mereka, hal ini

ditekankan sebagai langkah kerajaan untuk menjaga kelangsungan agama Islam sebagai agama rasmi di Brunei Darussalam (Hashim 2003:171).

### ***Pendidikan***

Institusi pendidikan dan pengajian adalah di bawah kawalan dan penyeliaan Kementerian Pendidikan Brunei sepertimana negara-negara lain. Bermula tahun 1985, berlaku perubahan besar dalam bidang pendidikan iaitu wujudnya sistem pendidikan yang berasaskan kepada dwibahasa Melayu dan Inggeris serta penubuhan Universiti Brunei Darussalam. Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam mempunyai lima tujuan utama iaitu melaksanakan matlamat-matlamat dasar pelajar seperti yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei 1972 dengan beberapa pindaan berdasarkan kepada perkembangan yang terbaru, melaksanakan satu sistem pendidikan yang dinamakan Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam yang tidak lagi bercabang media pengantar persekolahannya, Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam ini akan membentuk masyarakat Brunei yang berdasarkan kepada konsep Melayu Islam Beraja, sistem ini juga akan menjadi saluran menyatupadukan rakyat dan penduduk negara ini melalui satu sistem pendidikan sahaja dan nilai-nilai Islam akan diterapkan ke dalam Sistem Pendidikan Negara melalui kurikulum sekolah (Hashim 2003:131). Sistem ini juga bertujuan agar nilai-nilai Islam dijadikan asas pendidikan kebangsaan dengan mewajibkan semua kurikulum pendidikan di Brunei mesti selaras dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Kegigihan melaksanakan usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam pendidikan dapatlah dinilai melalui langkah-langkah berikut:

- i. Arahan yang dikeluarkan terhadap semua guru dan pelajar perempuan Muslim diwajibkan memakai tudung.
- ii. Penambahan waktu pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Pendidikan Islam dari tiga waktu kepada 10 – 12 waktu.
- iii. Matapelajaran Pendidikan Islam dijadikan pelajaran wajib.
- iv. Matapelajaran al-Quran dijadikan pelajaran intensif agar murid mampu membaca al-Quran dengan baik.
- v. Matapelajaran Arab sebagai matapelajaran pilihan di sekolah menengah dan wajib bagi sekolah rendah.

Kementerian sentiasa memantau dan membuat semakan sukatan dari masa ke semasa agar sukatan tidak mengandungi unsur yang bercanggah dengan Islam (Ibrahim 1997:151). Sekolah Agama yang pertama di Brunei didirikan pada 16 September 1956, kemudian diikuti selepasnya pembinaan 7 buah sekolah agama di setiap daerah di Negara Brunei. Sukatan matapelajaran yang diperuntukkan di sekolah ini ialah Al-Quran al Karim, Hadis Nabawi, Tauhid, Fekah, Sejarah Islam dan lain-lain (Sobir 2008:28). Dari sistem persekolahan ugama itu juga munculnya sekolah Arab Laki-Laki dan Perempuan, yang kemudiannya melahirkan Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam (IPI) pada tahun 1989, yang mengeluarkan Diploma Pengajian Islam bertaraf HND dalam bidang-bidang Syariah, Usuluddin, dan Bahasa Arab. Institut tersebut dicantumkan dengan Fakulti Pengajian Islam, Univerisiti Brunei Darussalam pada tahun 1999 menjadi Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien

(IPISHOAS) yang mengeluarkan ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang-bidang pengajian Islam dan Bahasa Arab. Perkembangan yang berlaku selepasnya pula berasaskan dari institut itu ialah terbinanya Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang bukan sahaja mengeluarkan ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang-bidang pengajian Islam, malah juga ijazah Ph.D dan kursus-kursus profesional lainnya. Sementara itu, setelah terbinanya UNISSA, nama IPISHOAS diambil alih oleh Universiti Brunei Darussalam yang akan berperanan dalam bidang penyelidikan Islam di peringkat ijazah lanjutan (Siti Norlianah 2011:29).

Pada 1 Januari 1993, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah ditubuhkan atas biaya Baginda Sultan sendiri (Muhammad Hadi 2009:33). Begitu juga dengan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, telah dinaikkan tarafnya menjadi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada tahun 2007 (KUPUSB) yang bakal melahirkan guru-guru agama dan pegawai-pegawai pendidikan agama dan pendakwah yang lebih berwibawa dan berkualiti di masa hadapan (Pengiran Mohammad 2011:11).

Dalam pada itu mata pelajaran Pengetuan Ugama Islam sebagai satu mata pelajaran yang diperkenalkan di persekolahan umum pada tahun 1965, masih berterusan dan dengan kerjasama antara Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama kualitinya telah dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pengetahuan Ugama Islam yang dikenali sebagai IRK (Islamic Religious Knowledge) adalah termasuk dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pada tahun 2009, KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan pula menitahkan ianya akan menjadi salah satu pelajaran teras di samping mata pelajaran Sains, Matematik, English dan Bahasa Melayu iaitu untuk diambil oleh semua pelajar pada peringkat O level.

Hasil daripada penubuhan persekolahan agama moden yang bersistem itu ialah wujudnya berbagai institusi keagamaan dalam bidang pendidikan agama di semua peringkat, dalam bidang perundangan Islam, dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, dalam bidang dakwah, dalam bidang kewangan Islam, dalam bidang kemasjidan, dalam bidang kemasyarakatan, dan lain-lain lagi yang akhirnya telah dapat menyuburkan penghayatan terhadap ajaran Islam di Negara Brunei Darussalam (Pengiran Mohammad 2011:11-12). Berdasarkan kepada urutan tahun-tahun perkembangan pendidikan Islam itu di Brunei jelas menunjukkan adanya peningkatan tahap dari semasa ke semasa. Adanya perkembangan pendidikan Islam yang teratur ini, telah turut memantapkan kedudukan Islam di Brunei dan ianya menjadi satu elemen atau satu faktor penyumbang yang kuat ke arah mengukuhkan falsafah MIB di Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu tiang teras ketamadunan Melayu Islam di rantau ini (Mahayuddin & Pengiran Mohammad 2011:63).

### ***Ekonomi***

Majlis Ugama Islam dan Kementerian Hal Ehwal agama memandang berat dalam meninggikan imej orang-orang Islam khususnya dari segi penyertaan mereka yang berkesan dalam kegiatan ekonomi. Maka gerakan dakwah digunakan juga bagi menyumbang dalam bidang tersebut (Mohd Zain 1996:223). Dalam aspek ekonomi, buat pertama kalinya dalam sejarah Brunei moden, pada 29 September 1991, lahirlah institusi kewangan Islam yang diberi nama Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) yang bertujuan untuk membentuk amalan ekonomi dan perdagangan yang bersih dan adil, yang bebas daripada penindasan dan penipuan melalui sistem urusniaga dan menolak sebarang amalan berbentuk riba atau *interest*. Penubuhannya adalah sebagai satu cara untuk mempraktikkan Islam sebagai cara hidup dan ia juga bertujuan untuk memperkembangkan sosio ekonomi umat Islam. Di samping itu juga,

ianya adalah sebagai langkah awal ke arah penubuhan Bank Islam Brunei. Ia bertujuan mewujudkan muamalah secara Islam di kalangan masyarakat sama ada Islam atau bukan Islam (Sobir 2008:36). Pada tahun 1993, Bank Islam Brunei (IBB) telah ditubuhkan dan pada tahun 2006 telah bergabung dengan Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB) menjadi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD). Selain itu juga, kerajaan menghapuskan amalan riba dalam Skim Pinjaman Kerajaan Bagi membina rumah (Mohd Zain 1996:223).

### ***Perundangan***

KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan telah berkenan untuk melaksanakan Perintah Qanun Jenayah Syari'ah di Negara Brunei Darussalam. Perintah ini memperuntukkan hukuman-hukuman hudud, qishash, diat, arsh dan ta'zir bagi kesalahan-kesalahan (mencuri), hirabah (rompakan), zina, qadzaf (tuduhan palsu bagi zina), minum minuman yang memabukkan, irtidad (murtad), qatl (pembunuhan) dan jurh (cedera) (Abdul Aziz 2013:xxx). Titah pada 15 Julai, 2012 bersempena hari Keputeraan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke 66 tahun:

*“Bersyukur dengan 66 tahun keputeraan beta ini, dengan segala kesyukuran, yang melepaskan kita semua terutama raja, dari dituntut oleh Allah pada hari Kiamat kelak, maka beta dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Pemurah, setelah meneliti dan mendapat nasihat daripada badan yang berkenaan, sukacita memaklumkan bahawa beta telah memperkenankan Perintah Qanun Hukuman*

*Jenayah Syari'ah untuk dilaksanakan di negara ini, namun dalam pada itu, peruntukan sivil atau ta'zir atau seakan-akan ta'zir akan terus juga diguna pakai mengikut keperluan. Pada tahun ini saja, ada beberapa rancangan besar yang memerlukan komitmen rakyat. Dalam perkara agama, kita sudah pun menguatkuasakan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang melibatkan seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam. Kemudian seiringan itu kita juga telah berjaya mewujudkan Perintah Qanun Hukuman Jenayah Sokongan penuh rakyat.”*

### ***Sosial***

Hidup masyarakat Brunei Islam kini didukung oleh musyawarah dan hidup bergotong royong, tolong menolong, hormat menghormati, berawar galat, bertegur sapa dan sebagainya. Nilai-nilai yang luhur ini adalah yang diajarkan oleh Islam. Mereka memperhatikan hal ehwal permakanan dan minuman bukan hanya dari segi rasa dan khasiat bahkan dilihat juga dari sudut halal haramnya, dan ditinjau salah tidaknya dari ajaran Islam, dan dalam hidup bernegara diasuh supaya sentiasa taat kepada raja.

Pengharaman terhadap 'arak' bagi Negara Brunei Darussalam juga berlaku secara berperingkat. Peringkat pertama, pengharaman daripada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei Airlines (Royal Brunei Airlines, RBA) yang tidak lagi menghidangkan arak dalam sebarang penerbangannya, mulai berkuatkuasa pada 20 Rabiulakhir 1409 bersamaan dengan 30 November 1988. Peringkat kedua, pengharaman daripada kelab-kelab Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang berkuatkuasa mulai 9 Muharram 1411 bersamaan dengan 31 Julai 1990. Peringkat terakhir, pengharaman secara total iaitu menegah kemasukan arak ke Brunei yang berkuatkuasa mulai 14 Jamadilawal 1411 bersamaan dengan 1 Disember 1991. Adapun semua permit untuk memasukkan segala jenis arak yang dikeluarkan sebelum tarikh tersebut adalah dibatalkan dengan serta merta. Sementara arak yang sudah dimasukkan atau dibuat dalam negara ini adalah dimansuhkan pada 15 Jamadilakhir 1411 bersamaan dengan 1 Januari 1991 (Mohd Zain

1996:225; Abdul Aziz 1992:168).

Langkah tegas ini juga diambil berikutan semakin ramainya umat Islam daripada berbagai peringkat termasuk kanak-kanak sekolah dan belia-belia terlibat meminum minuman keras, sekalipun selama ini Kerajaan telah menghadkan pengeluaran lesen menjual arak di kalangan orang bukan Islam yang sepatutnya hanya untuk orang bukan Islam dan sekalipun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menguatkuasakan Undang-Undang MUIB dan “Akta Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi 1955” yang boleh menghukum mana-mana orang Islam yang sabit bersalah meminum minuman keras di tempat awam. Namun masih ada di antara umat Islam yang terlibat meminum minuman keras itu. Langkah tegas melarang kemasukan segala jenis minuman keras ke dalam Brunei ini juga mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam menyelaraskan nilai dan kehendak hukum Islam yang berkonsepkan MIB dan juga boleh memastikan segala macam pintu maksiat ditutup seberapa yang boleh (Pelita Brunei 1997:7).

Dalam sejarah perkembangan Islam di Brunei juga, mulai akhir tahun 1964, pelbagai perayaan keagamaan telah diadakan. Ini juga satu metode dakwah yang menarik muda-mudi dan orang ramai menghadirinya. Perayaan keagamaan ini bersempena dengan hari kebesaran dan dianggap bersejarah dalam Islam seperti memperingati Israk dan Mikraj junjungan kita Nabi Muhammad SAW pada 27 Rejab, memperingati hari Nuzul Al-Qur’an pada 17 Ramadhan, dan memperingati hari lahir junjungan kita Nabi Muhammad SAW pada 12 Rabiulawal. Antara acara-acara yang mengisikan perayaan tersebut ialah berzanji, marhaban, nasyid, deklamasi puisi, ucapan para pemimpin negara dan yang penting sekali pada kemuncak perayaan itu ialah syarahan agama dari alim ulama tempatan. Pensyarah yang berkebolehan selalunya akan menarik perhatian orang ramai yang hadir dan sedikit sebanyak memberikan kesedaran dan keinsafan di hati mereka. Bacaan Al-Qur’an dan doa selamat akan menjadi pembuka dan penutup di upacara perayaan tersebut.

Apa yang menarik perhatian, perayaan keagamaan seperti ini bukan sahaja diadakan di ibu Negara tetapi juga di tiap-tiap daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong. Inilah satu tradisi yang jarang ditemui di tempat-tempat lain. (Mohammad 2007:236). Hari kelepasan mingguan di Brunei ialah ditentukan hari Jumaat dan hari Ahad. Hari-hari kebesaran Islam pula adalah dijadikan hari kelepasan awam, sebagai misalnya bagi tahun 1989 ada 14 hari yang dijadikan hari kelepasan awam sepanjang tahun. 8 hari daripadanya ialah bagi memperingati hari-hari kebesaran Islam seperti Awal Tahun Hijrah, Hari Kelahiran Nabi Muhammad S.A.W, 27 Rejab (Isra’ Me’raj, Awal Ramadhan, 17 Ramadhan (Nuzul al-Qur’an), Hari Raya Puasa (2 hari cuti) dan Hari Raya Haji (Mohd Zain 1992:19).

Dalam usaha menyebarkan syiar Islam, Brunei adalah negara pertama yang menyiarkan Solat Fardhu Jumaat melalui siaran televisyen Brunei secara langsung (Muhammad Hadi 2009:33). Dalam pentadbiran negara, Sultan Brunei seringkali menitahkan supaya semua pegawai kerajaan berkhidmat dengan penuh kejujuran, ikhlas dan amanah serta sentiasa memberikan layanan perkhidmatan yang baik kepada orang awam. Baginda juga memperingati agar setiap kakitangan dan pegawai kerajaan membaca ayat suci Al-Qur’an pada setiap pagi sebelum memulakan tugas harian mereka. Setiap mesyuarat atau majlis dan acara rasmi atau tidak rasmi diadakan hendaklah dimulai dengan bacaan surah al-fatihah dan doa selamat tanda kesyukuran kepada Allah (Muhammad Hadi 2009:33).



Selain itu juga, pada bulan Ramadhan semua agensi kerajaan berkhidmat hingga pukul 2.00 petang sahaja. Undang-undang ini dikuatkuasakan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dengan tujuan memberi ruang kepada masyarakat Islam di Brunei untuk menumpukan perhatian kepada amal ibadat pada bulan Ramadhan. Selain itu juga, iltizam masyarakat Islam Negara Brunei Darussalam terhadap agama Islam semakin ketara dan terserlah dalam sesuatu majlis. Umpamanya kebanyakan majlis akan didahului dengan bacaan al-Quran ataupun surah al-Fatihah dan diakhiri dengan doa. Ucapan salam pembukaan dan penutup yang mengandungi doa juga sudah menjadi kezaliman. Kepekaan kerajaan KDYMM dalam melaksanakan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna di Brunei Darussalam adalah nyata dan terbukti dengan penerapan nilai-nilai dan prinsip keislaman dalam menjalankan pentadbiran kerajaan iaitu dengan berpandukan fatwa-fatwa kerajaan Negara Brunei Darussalam, khususnya mengenai perkara-perkara yang memerlukan penjelasan dan penyelesaian daripada segi agama Islam.

Di samping itu juga, bagi mengusahakan dan mengamalkan ideologi Islam, ajaran-ajaran Islam telah ditanamkan dan disebarkan di merata-rata tempat di negara Brunei. Dalam usaha ini, ia telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan rakyat negara Brunei kerana sebahagian besar rakyat Brunei berketurunan Melayu dan beragama Islam. Mereka telah menerapkan nilai-nilai dan ajaran-ajaran Islam di dalam diri dan keluarga masing-masing, malah ramai yang bukan Islam dengan rela hati masing-masing memeluk agama Islam setelah yakin akan kebenarannya. Sebenarnya agama Islam telah dianut di Brunei sejak 600 tahun dahulu, dan ia telah menjadi ideologi negara dan menjadi cara hidup yang lengkap di Brunei. Dalam hal yang demikian tidak hairan Brunei telah membangun dan hidup menjadi sebuah negara Islam yang mantap di rantau ini. Amalan Islam telah diamalkan secara langsung di semua peringkat baik dalam pentadbiran negara, bandar, pekan dan kampung, malah telah meresap hingga ke mukim-mukim pedalaman. Contohnya, dalam kalangan pegawai-pegawai kerajaan, bilangan terbesar sekali memegang jawatan kerajaan adalah daripada kalangan anak-anak tempatan yang sudah tentu beragama Islam. Contoh yang lebih jelas ialah sikap orang-orang Brunei yang akan menyambut kemerdekaan Brunei nanti tidak dengan teriakan merdeka, malah disambut dengan melaungkan takbir dengan teriakan merdeka, malah disambut dengan melaungkan takbir *Allahu Akbar* dan sebelum itu mendirikan sembahyang fardhu Maghrib dan Isya berjemaah, membaca surah Yaasin dan doa selamat sebagai tanda kesyukuran rakyat terhadap pencapaian tersebut. Selain itu juga, kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan akan mengutamakan anak-anak tempatan yang beragama Islam untuk menjawat jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan. Tujuannya untuk melicinkan hubungan rakyat dengan kerajaan, terutama bagi menghadapi masalah rakyat dan negara. Dengan cara ini akan meyakinkan rakyat kepada kerajaan dan hubungan kerajaan dengan rakyat bertambah kukuh. Selain itu juga, antara contoh yang dapat dilihat dalam nilai-nilai Islam yang terdapat dalam negeri Brunei sendiri seperti diamalkan oleh rakyat, wanita-wanita Islam digalakkan memakai tudung dan menutup aurat. Usaha memperlihatkan identiti keislaman di mata antarabangsa ialah bar-bar di bandar telah ditutup. Lebih jelas lagi kedai-kedai makan dan restoran yang bukan dimiliki oleh orang-orang bukan Islam diberi label 'Bukan makanan untuk orang-orang Islam'. Mandi di pantai secara berpasangan antara lelaki dan perempuan diharamkan. Simbol yang paling jelas tentang keislaman di Brunei ialah terdirinya dengan megah masjid SOAS pada tahun 1958 dan Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkihah dalam era kemerdekaan di Bandar Seri Begawan (Muhammad Hadi 2007:65-67).

### ***Pentadbiran Ugama***

Sebagai usaha untuk meneguhkan penghayatan Islam di kalangan penduduk di Brunei Darussalam, Jabatan Hal Ehwal Ugama dinaik taraf menjadi sebuah kementerian iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang ditubuhkan pada 20 Oktober 1986. Sebelum ditubuhkan, urusan-urusan mengenai hal ehwal agama dikendalikan oleh Pejabat Kadhi yang menjalankan kuatkuasa Undang-Undang Islam (Muhammad Laws Enactment No.1/1912) dan Undang-Undang Nikah Cerai Islam (Muhammad Marriage and Divorce Registration Enactment No.3/1913). Pentadbiran agama di bawah undang-undang ini hanya terbatas kepada hal ehwal nikah cerai dan kesalahan-kesalahan dalam perkara seumpama itu yang disebut *personal laws* (Abdul Aziz 1992:73). Penubuhan KHEU ini juga bertujuan untuk mengemaskini pentadbiran hal ehwal ugama di Negara Brunei Darussalam. Di bawah KHEU terdapat lima jabatan yang mempunyai peranannya demi kemaslahatan agama di kalangan penduduk di Brunei. Jabatan-jabatan tersebut adalah Jabatan Pentadbiran, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah, Jabatan Pengajian Islam, Pusat Dakwah Islamiah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Bahagian Tugas-Tugas Khas (Abdul Aziz 1992:74).

Arus perkembangan dakwah di Brunei bermula dengan sistem pendidikan di balai-balai, rumah-rumah persendirian, masjid dan seterusnya penubuhan institusi pendidikan agama secara berstruktur telah banyak menyumbang ke arah perkembangan Islam di Brunei Darussalam. Penyebaran dakwah yang disampaikan secara berperingkat tersebut merupakan langkah yang proaktif sehingga tertubuhnya Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi pengurusan hal ehwal Islam dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

### **Kesimpulan**

Melalui sorotan sejarah ini penting untuk dilihat faktor yang menjayakan dan menggiatkan lagi dakwah di Brunei Darussalam. Sejarah menunjukkan usaha masyarakat tempatan dalam mengembangkan dakwah Islam itu sendiri begitu memberangsangkan. Dakwah yang dahulu hanya disebarikan melalui pondok atau balai akhirnya mewujudkan system pendidikan yang teratur justeru dari sini melahirkan tokoh-tokoh ugama tempatan yang banyak menyumbang dalam pengukuhan dakwah dan *islah* dalam masyarakat.

### **Rujukan**

- Abdul Aziz Juned. 1992. *Islam di Brunei Darussalam Zaman Pemerintahan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzahddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Abdul Aziz Juned. 2013. *Qanun Jenayah Syari'ah Satu Pengenalan*. Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri.
- Abdul Aziz bin Juned. 1968. *Buku Kenang-Kenangan Berpuspa*. Singapura: Malaysia Press.
- Abdul Aziz Juned. 1985. Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Negara Brunei Sebagai Cara Hidup Yang Lengkap. *Majalah al-Huda*. Hlm: 59 & 60.
- Asbol Mail. 2012. *Sejarah dan Persejarahan Brunei*. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Asiyah al-Zahra. 2011. *Islamic Da'wah In Brunei: Past Developments, Challenges and Future Prospects'*.
- Durahman Tuah. 2002. *Brunei Darussalam Nation Building : Based on Melayu Islam Beraja*. Brunei Darussalam: Institut Perkhidmatan Awam.
- Hashim Hamid. 2003. *Islam di Brunei Darussalam- Satu Analisis Sosio-Budaya*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.
- Ibrahim Abu Shah. 1997. *Kecemerlangan Tamadun Islam Dalam Menghadapi Cabaran Abad ke 15H/21M*. Kuala Lumpur: Percetakan Smart Print Sdn.Bhd.

- Latifah Ismail. 2002. Perananan Bahagian Penyebaran Dakwah dalam penyebaran dakwah di Negara Brunei Darussalam. Tesis Sarjana Muda. Institut Pengajian Islam Universiti Brunei Darussalam.
- Low, Hugh. 1880. Salasilah (Book of the Descent of the Rajas of Bruni. *JSBRAS* 5:20-30.
- Low, Hugh. 1998. Papers Relating to Brunei with an introduction by Cheah Boon Kheng. *JSBRAS* 5: 1-25. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mahayuddin Yahaya dan Pengiran Mohammad Pengiran Abdul Rahman. 2011. *Tamadun Melayu Islam di Alam Melayu: Kes Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah
- Mohd Amin Haji Abdul Rahman. Dakwah Kepada Orang Bukan Islam di Negara Brunei Darussalam. 1997. Tesis Ph.D. Universiti Sains Malaysia. 1997.
- Mohd Jamil Umar Abdul Aziz. 1971. *Catatan Sejarah Perwira-Perwira dan Pembesar-Pembesar Brunei*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid 1.
- Mohd Jamil al-Sufri Awang Umar, Pengiran Shahbandar Pengiran Md.Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda. 1983. *Syair Rakis*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Mohd Jamil al-Sufri Awang Umar. 1992. *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mohd Jamil Sufri. 1997. *Survival Brunei Dari Perspektif Sejarah*. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Mohd Jamil Sufri. 2000. *History of Brunei in Brief*. Terj. Mohd.Amin Hassan. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Mohd Zain Serudin. 1983. *Peranan Ugama Islam Dalam Pendidikan*. Brunei Darussalam: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Mohd Zain Serudin. 1992. *Brunei Darussalam: Persepsi Sejarah dan Masyarakatnya*. Brunei Darussalam: Azza Publisher & Distributors.
- Mohd Zain Sereudin. 1995. Pembangunan Islam di Zaman al-Marhum SOAS. Kertas Kerja Seminar al-Marhum SOAS. Anjuran Akademi Pengajian Brunei UBD dan Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei.
- Mohd Zain Serudin. 1996. *Brunei Sebuah Negara Islam: Latar Belakang Keislamannya*. Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.
- Muhammad Hadi Muhammad Melayong. 2009. *Islam di Brunei: Kedatangan, Perkembangan dan Pengukuhan*. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Pengiran Mohammad Pengiran Abdul Rahman 1986. Perkembangan Islam di Brunei Darussalam. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pengiran Mohammad Pengiran Abdul Rahman. 1992. *Islam di Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasan dan Pustaka.
- Pengiran Mohammad Pengiran Abdul Rahman. 2001. *Islam di Brunei Darussalam*. Cetakan Kedua. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pengiran Mohammad Pengiran Abdul Rahman. 2007. *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Pengiran Mohammad Pengiran Abdul Rahman. 2011. Penubuhan Persekolahan Ugama Moden Bersistem di Zaman Pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Asas Kecemelerlangan Islam di Brunei Darussalam. Dlm. *Merealisasikan Asiprasi Negara Dalam Pembangunan Ummah*. Brunei Darussalam: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Sanib Said. 1994. *Sejarah Kesultanan Brunei: Menginsafi MIB Janang*. Warta Akademi Pengajian Brunei: Universiti Brunei Darussalam.

- Siti Norlianah Selaman. 2011. Peranan Pusat-Pusat Penyebaran Dakwah di Negara Brunei Darussalam Di Dalam Menyebarkan Dakwah Islamiah Selepas Kemerdekaan. Disertasi Sarjana. Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Sobir Ahmad Taha. 2008. *Da'wah Islamiah Fi Brunei Darul Salam Ibrul Usur*. Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah.
- Yahya Ibrahim. 1988. Peranan Institusi-Institusi Islam di Negara Brunei Darussalam. Artikel dalam Makalah 26 Ogos.
- Yahya Ibrahim. 1993. Kesan-Kesan Persekitaran Kemasyarakatan Terhadap Pengajian Islam Zaman Awal-Sebelum Tahun 40-an. Dlm. Sumbangsih Ilmiah. Brunei Darussalam: Institut Pengajian Islam.